

Mengenang Jasa Almarhum Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad

Mufti Johor

Persekutuan Tanah Melayu khususnya dan alam Islam amnya adalah menanggung kerugian yang sebesar-besarnya apabila mendengar berita al-'alāmah Dato' al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, mufti Johor yang bersara, telah kembali ke rahmatullah Ta'ālā pada 14 November 1962 bersamaan 17 Jamādī al-Akhir 1382 di rumahnya di Johor Bahru. Berita yang sedih ini diterima adalah sesudah dua minggu meninggalnya almarhum al-Sayyid Abdullaah Bilfaqih, seorang ulama' yang beramal terus menerus hingga akhir hayatnya.



Almarhum Dato' al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad

Almarhum Mawlana 'Abdul Aleem Siddiqui dan ulama-ulama Mesir yang kerap berziarah kepada almarhum mengakui bahawa Almarhum Dato' al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad adalah sebesar-besar orang alim di Asia ini.

Kealiman almarhum tidak ada bertanda dengan Shahadah (*degree*) sebagai yang didapati di dalam pengajian cara bersekolah tetapi almarhum adalah belajar dengan menghadap guru sebagaimana kebiasaan yang dilakukan di tanah tumpah darah almarhum di Qaidun (Hadhramawt). Beliau diperanakan pada 14 Shawwāl tahun 1301 hijriyah.

Semenjak dari umur almarhum dari delapan tahun almarhum telah hafaz al-Qur'an sehingga akhir hayatnya. Di antara guru-gurunya yang besar tempat almarhum belajar ialah Mashaikh al-'Amūdī, al-syakh Abu Bakar al-Khaṭīb Tarīmī, al-Ḥabib Muhammad bin Ṭahir bin al-Ḥaddad dan al-Ḥabib Ahmad bin Husin al-Attas. Almarhum mengaji dari kecil hingga umur 25 tahun.

Selain daripada itu, menurut keterangan almarhum sendiri, almarhum telah mengambil ijazah kepada tidak kurang dari 5,000 orang guru dalam hayat almarhum. Kebanyakan daripada mereka itu terdiri dari alim ulama Maghribi, Yaman dan Hadhramawt.

Kemahiran Almarhum

Di antara ilmu-ilmu yang almarhum sangat mahir dan luar biasa ialah mengenai dengan ilmu Tarikh. Almarhum sangat gemar memperkatakan bahagian ini. Penulis sendiri sangat rajin bertanya mengenai sesuatu Tarikh kepada almarhum.

Apabila ditanya sahaja sesuatu Tarikh maka almarhum terus menjawab dan menerangkan yang ditanya itu dengan riwayat yang panjang lebar serta menyatakan perkara-perkara yang ditanya dan berkenaan dengannya daripada kitab anu muka sekian baris sekian. Begitu sekali almarhum itu hafaz di dalam perkara mengenai sejarah. Sesungguhnya penulis sendiri, kalau berziarah dengan almarhum tidaklah dapat sebentar sahaja, tetapi terkadang-kadang berjam-jam lamanya dengan tidak jemu-jemu kerana asyik mendengar almarhum menghuraikan sesuatu perkara mengenai agama.

Sesuatu hukum agama yang dibentangkan almarhum, lazimnya disertai dengan tarikh masa perkara itu berlaku. Sama ada pada zaman Nabi atau pun zaman sahabat dan tabi'in atau pun pada masa-masa yang akhir, khalifah-khalifah yang kemudian daripada itu. Kemahiran ini tidak lain kerana kuatnya ingatan almarhum dan kerana banyaknya almarhum mentelaah kitab-kitab agama. Boleh dikata siang malam almarhum adalah dengan kebanyakan masanya sehari-hari dengan mentelaah daripada berbagai-bagai ilmu sama ada mengenai hukum-hukum agama atau lainnya terutamanya perihal Tawarikh.

Buah Tangan Almarhum

Almarhum banyak mengarang kitab-kitab. Semasa mudanya banyak almarhum mengarang kitab-kitab untuk madrasah dalam bahagian-bahagian nahu, faraid dan lain-lainnya.

Di antara kitab-kitab yang dikarang almarhum, selain daripada perkara-perkara yang tersebut telah dibuat pula sebuah

kitab yang dinamakan "*al-Qawl al-Faṣl fī Mā li Banī Hāshim wa al-'Arab min al-Faql*" kitab ini mengandungi 3 juzuk yang telah dicetak hanya dua juzuk sahaja.

Kemudian sebuah kitab lagi atas manaqib kepada gurunya almarhum al-Ḥabib Ahmad bin Ḥasan al-Aṭṭas dengan nama "*Uqūd al-Mās fī Manāqib Shaykhah al-Ḥabib Ahmad bin Hasan al-'Aṭṭās*". Buku ini mengandungi 450 muka. Di dalam kitab ini terkandung pula di dalamnya perkara-perkara sejarah datangnya Islam ke Aceh, Pasai, Sumatera dan Filipina. Kitab ini dicetak dan diterbitkan oleh al-Sayyid Muhammad bin Salim al-Attas.

Selain daripada kitab-kitab itu ada lagi sebuah kitab yang belum dicetak iaitu kitab "*Tarikh Orang-orang Arab di Tenggara Asia*"

Sebahagian besar, perkara mengenai sejarah Islam di Aceh, Sumatera, Pasai dan Filipina itu telah pun ditulis di dalam bahasa Melayu yang diterjemahkan oleh almarhum Ustaz Hashim Yunus yang disiarkan bersambung-sambung di dalam Warta Ahad dengan tajuk "*Berita-berita Puhalam*". Di dalam rencana ini banyak benar almarhum meriwayatkan tentang kembangnya Islam ke Tanah Melayu dengan bukti-bukti daripada beberapa kitab-kitab yang utama dan keterangan-keterangan yang didapati almarhum dengan penyelidikan-penyelidikan yang tertentu.

Turun Ke Tanah Jawa

Apabila umur almarhum 26 tahun, pada tahun hijrah 1327, almarhum turun ke Tanah Jawa dan beberapa tahun kemudian almarhum balik ke Haḍramawt. Pada tahun 1341 hijrah, almarhum turun lagi ke Tanah Jawa dan tinggal di Bogor mengajar. Kemudian daripada masa itu maka timbulah pertentangan yang hebat di antara golongan al-'Alawiyyin dengan al-Irshad. Perbahasan-perbahasan telah banyak berlaku dan almarhum banyak mengambil bahagian di dalamnya.

¹ Ejaan kini ialah pualam

Dalam masa almarhum Haji Omar Said Cokro Aminoto membuat sebuah kitab tarikh Islam, almarhum telah diminta membuat muqaddimah dan menyemak kitab tersebut.

Menjadi Mufti Johor dan Fatwanya

Mengikut wasiat almarhum Sultan Abu Bakar, maka lantikan mufti bagi kerajaan Johor hendaklah dipilih daripada keturunan Alawiyyin. Kerana itu almarhum Sultan Ibrahim Johor telah memilih almarhum memegang jawatan mufti Johor sesudah mufti Johor al-Alamah al-Sayyid Hasan bin Ahmad al-Attas kembali ke rahmatullah Ta'ālā. Dengan itu maka almarhum memegang jawatan itu mulai tahun 1347 hijrah sehingga kepada tahun 1381 iaitu lebih kurang 34 tahun.

Fatwa-fatwa rasmi yang dibuat almarhum semenjak memegang jawatan mufti selama 34 tahun itu tidak kurang dari 12,000 fatwa mengenai barbagai-bagai masalah.

Umumnya fatwa almarhum ialah menjawab apa yang ditanya - dan jarang benar almarhum menyimpang daripada pertanyaan yang didatangkan ke atas persoalan itu.

Sesudah beliau di Tanah Melayu, maka banyak perkara-perkara bahas yang ditulis almarhum. Perkara-perkara mengenai mandi Safar dan rajah Safar adalah menjadi pertentangan yang hangat di antara almarhum dengan al-Alamah al-Shaykh Sālīmīn bin Nu'mān. Almarhum banyak menulis dalam perkara-perkara Qadayani.

Pada suatu masa, dalam masa penulis bekerja di dalam Warta Malaya, almarhum ustaz Hashim Yunus menunjukkan suatu rencana yang ditulis almarhum untuk disiarkan kepada penulis. Rencana itu membabit bahawa Kiyai Hasan Bandung adalah orang yang bersekutu dengan Qadayani kerana penulis telah membaca risalah kandungan bahas dengan Qadayani dan mendapati tuduhan itu tidak benar, penulis terus mendapatkan almarhum di rumahnya di Johor Bahru dengan membawa kitab "*Mirza 'th*" iaitu kandungan perbahasan

di antara Persatuan Islam dengan orang-orang Qadayani. setelah penulis membacakan lebih kurang sejam setengah barulah almarhum berpuas hati bahawa tuduhan itu tidak benar.

Tetapi entah apa mulanya pertentangan kedua-dua ulama itu terus menerus hangat, sehingga tatkala almarhum Kiyai Hasan datang ke Singapura, keadaan pertentangan itu lebih bertambah hangat.

Sifat Luas Perasaan dan Tidak Pendendam

Almarhum sangat kuat berpegang kepada pendapat dan fahamnya sendiri. Almarhum tentang siapa jua pun.

Almarhum sangat rajin membaca dan menulis serta berbahas.

Tatkala pertentangan almarhum dengan Kiyai Hasan meningkat benar di Tanah Melayu kerana kedatangannya ke Malaya almarhum menunjukkan kemarahannya terhadap Kiyai Hasan, tatkala penulis ziarah kepada almarhum.

Terbit daripada itu, dengan usaha penulis beserta Tuan al-Sayyid Husin bin Ali al-Sagoff, maka dapatlah kami menemukan muka kedua-dua ulama ini yang tidak pernah sekalipun berjumpa. Kejadian ini pada tahun 1953.

Pada mulanya kami menyangka bahawa almarhum mufti akan tidak mahu menerima dan akan mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak sedap, tetapi keadaannya telah jadi sebaliknya. Kedua-duanya telah bercakap dengan ramah mesra - seolah-olah tidak ada sesuatu pun ada pertelingkahan di antara keduanya. Mereka berkata-kata sebagai dua orang sahabat yang akrab.

Keluar daripada majlis itu almarhum Kiyai Hasan bin Ahmad berkata kepada penulis: "sesungguhnya saya senang hati benar bertemu beliau. Beliau lapang hatinya dan tidak sedikit pun ada menunjukkan perasaan tidak senang kepada saya."



Faḍīlah al-Shaykh al-Sayyid Sābiq (di kanan) sedang berbual-bual dengan seorang ulama besar Islam di jajahan Soviet di dalam Muktamar “Keselamatan” yang diadakan di Moscow.

* * *

Fatwa Mengenai Loteri

Harian Utusan Melayu tatkala menyiarkan berita meninggalkannya almarhum telah menulis menyatakan bahawa “almarhum adalah menghalalkan loteri kebajikan masyarakat”. Berita ini sebenarnya mengelirukan kerana almarhum tidak pernah menghalalkan loteri kebajikan masyarakat.

Di dalam soal loteri, di dalam fatwa almarhum menjawab kepada suatu pertanyaan. Didasarkan kepada pertanyaan itulah almarhum memberi jawapannya.

Mengenai loteri almarhum tegas menyatakan bahawa loteri itu perkara umum yang terang hukumnya seperti “menghukumkan apakah kemutaran (tahi) itu najis atau suci.” Ini perkaranya terang almarhum dengan jelas di dalam fatwanya mengkafirkan sesiapa yang menghalalkan loteri.

Yang jadi perselisihan faham adalah antara wang atau harta yang putus milik yang tidak dapat dipulangkan kepada tuannya. Pendapat almarhum wang itu boleh dibuat atas *masalah ‘ammah*; sedang tuannya yang menentang tidak

menerima wang itu sebagai wang putus daripada tuannya kerana maksiatnya masih berjalan iaitu loteri itu terus berjalan dan dikuatkuasakan dijalankan.

Dengan ini maka tidak sekali-kali ada almarhum pernah memberi fatwa menghalalkan² loteri.

Sifat Almarhum Yang Mulia

Penulis sendiri sebenarnya banyak menentang almarhum, semenjak puluh-puluh tahun dahulu sama ada di dalam tulisan atau di dalam lisan. Beliau tidak pernah berkecil hati atau menunjukkan masam muka. Bahkan setiap kali bertemu disambut almarhum dengan ramah tamah kasih sayang seperti menyambut anaknya sendiri.

Bahkan apa-apa perkara yang diminta keterangan kepada almarhum, sentiasa almarhum berikan dan memberi pertunjuk-tunjuk yang luas dan ikhlas sehingga seolah-olah tidak ada perselisihan sedikit pun dengan almarhum.

Almarhum memandang penulis sebagai anak buahnya sendiri. Almarhum sangat senang diziarahi dan dilawati bahkan kalau lama tidak ziarah almarhum selalu bersungut.

Sekarang ulama yang luas hati dan lapang dada ini telah kembali ke rahmatullah Ta’ālā - dengan meninggalkan jasa dan kenangan-kenangan yang baik. Mudah-mudahan jasa almarhum dibalas tuhan dengan sebaik-baik balasan dan ruh almarhum dirahmati Tuhan dan dihimpunkan Allah di dalam kumpulan *awliyā’ al-Ṣālihin - āmīn*.

Almarhum meninggalkan lima orang anak lelaki al-Sayyid Ṭahir, Ḥamid, Abdullah, Ali dan Muhammad.

Kepada pembaca-pembaca yang membaca rencana ini dipohonkan bersedekah Fatihah kepada ruh almarhum dengan mendoakan semoga Tuhan memberi kelimpahan ke atas rohnya - *Āmīn*.

² Perkataan sebenar ialah menghalalkan